

PM: Pembohongan, rasuah punca BN kurang sokongan

UM 15 DEC 1999

TOKYO 14 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan pembohongan, rasuah dan sikap tidak bersyukur di kalangan sesetengah pengundi Melayu sebagai punca berkurangnya sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum Malaysia baru-baru ini.

Dalam kolom bulanan *Dr. Mahathir's World Analysis* yang disiarkan oleh akhbar *Mainichi Daily News* di sini, Perda-

na Menteri membidas Parti Islam SeMalaysia (Pas) dan kesan-kesan liberalisme Barat yang disebarkan oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Walaupun mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya 29 November lalu, "majoriti dan marjin yang dimenangi kerajaan BN telah berkurangan dengan agak banyak," tulis beliau.

"Biasanya, sebuah kerajaan yang berjaya mematahkan serangan ter-

hadap ekonominya dan berjaya memulihkan ekonomi akan mendapat sokongan rakyat," katanya.

Tetapi pengundi Melayu "tidak begitu menderita" daripada krisis ekonomi Asia, kata Perdana Menteri.

Sebaliknya, isu-isu bagi mereka "berasaskan tanggapan golongan baru elit terpelajar yang terdedah kepada liberalisme Barat ketika menuntut di luar negara dan fahaman Islam yang lebih ekstrem yang diajar oleh Pas."

Dr. Mahathir berkata,

Anwar telah melemparkan tuduhan rasuah terhadap kerajaan bagi membantu membela nasibnya sendiri.

Dakwaan

Bekas timbalan perdana menteri itu dipecat kerana "kegiatan tidak bermoral yang tidak boleh diterima" tetapi dakwaan terhadapnya tidak dipedulikan walaupun dibicarakan secara terbuka, katanya.

Tetapi "beliau (Anwar) berjaya meyakinkan para

penyokongnya bahawa mahkamah menerima arahan daripada Perdana Menteri."

Sementara itu, "golongan elit terpelajar" mempercayai tuduhan-tuduhan rasuah itu dan kebanyakannya mereka "telah diasuh dan didedahkan kepada perjuangan Pas ketika mereka masih menjadi pelajar."

Perdana Menteri berkata, UMNO telah berjaya merapatkan jurang keyakinan antara orang Melayu dan Cina sejak meletusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

"Malangnya, sebarang kesyukuran dan penghargaan telah dinafikan oleh Pas yang mendekati para pelajar itu dengan lebih awal dan mengajar mereka bahawa mana-mana kerajaan akan berbuat begitu."

Pas memberitahu para pelajar supaya hanya bersyukur kepada Allah, bukannya orang lain termasuk kerajaan, dan ini adalah satu dasar "yang bercanggah dengan ajaran sebenar Islam," kata Dr. Mahathir. — AFP